



PUSPANITA

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Rumah PUSPANITA : JKR 5171, Jalan Hose, 50460 Kuala Lumpur .

Tel : 03-2142 1332, 03-21482625, 03-21459425 Fax :03-2144 2996

Bangunan PUSPANITAPURI : Lot PT 2280-2283, Persiaran Seri Perdana Percint 10, 65520 Putrajaya.

Tel : 03-8884 0300 Fax 03-8888 6475

Ruj. Kami : PNT.P.700-16/1 (21)
Tarikh : 30 Mac 2020

SEMUA AHLI MAJLIS TERTINGGI PUSPANITA

SEMUA AHLI JAWATANKUASA KERJA TERTINGGI PUSPANITA

SEMUA SETIAUSAHA PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN DAN NEGERI

YBhg. Tan Sri/ Puan Sri/ Datuk Seri/ Datin Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/
To' Puan/ Puan,

SUMBANGAN KEBAJIKAN PUSPANITA: *WE CARE FOR YOU*

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Penularan wabak Coronavirus (COVID-19) di negara kita dan seluruh dunia yang semakin meruncing telah memberikan impak yang tinggi kepada kehidupan dan kesejahteraan rakyat. Peningkatan individu yang disahkan positif COVID-19 juga telah menyebabkan Kerajaan mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap seluruh negara selama 14 hari bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020 dan telah dilanjutkan sehingga 14 April 2020.
3. Menyedari kesulitan yang timbul kepada para ahli dan anggota keluarga terdekat akibat daripada menjalani rawatan COVID-19 di hospital, dikenakan perintah kuarantin serta tempoh PKP, **Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) akan menghulurkan sumbangan kebajikan PUSPANITA: *We Care for You* kepada para ahli yang berkecukupan.** Sumbangan kebajikan ini akan disalurkan menerusi akaun Cawangan (bagi ahli dan suami kepada suri yang masih berkhidmat) dan menerusi akaun individu (bagi ahli yang telah bersara).
4. Kerjasama setiap Cawangan adalah dimohon untuk mengenalpasti penerima yang berkecukupan. Bersama-sama ini juga disertakan **Garis Panduan Pemberian Sumbangan Kebajikan PUSPANITA: *We Care for You*** (seperti di lampiran) untuk perhatian selanjutnya. Untuk penyampaian sumbangan bagi fasa awal, borang permohonan yang lengkap perlu dikemukakan kepada PUSPANITA Kebangsaan **sebelum atau pada 8 Mei 2020 (Jumaat)**. Hanya permohonan yang lengkap dan memenuhi kriteria yang ditetapkan akan dipertimbangkan.

5. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh berhubung dengan urus setia berikut:

- i. Nama pegawai : Farah Nadiah binti Mohamad
No. Telefon : 03-8884 0301
Alamat E-mel : persatuan.pk@1govuc.gov.my

- ii. Nama pegawai : Mohamad Fadil bin Abdullah
No. Telefon : 03-8884 0305
Alamat E-mel : persatuan.pk@1govuc.gov.my

6. Semoga perkara ini dalam makluman dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/ Puan Sri/ Datuk Seri/ Datin Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ To' Puan/ Puan jua. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Puan Sri/ Datuk Seri/ Datin Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ To' Puan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“Wanita Sepakat, Negara Meningkatkan”

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(NUR HAYATI BINTI ABDUL KARIM)

Setiausaha Agung PUSPANITA
b.p.: Yang DiPertua PUSPANITA


s.k.:

Yang DiPertua

Bendahari Agung

Setiausaha Eksekutif

Fail



**GARIS PANDUAN PEMBERIAN SUMBANGAN
KEBAJIKAN**

PUSPANITA: WE CARE FOR YOU

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT PERSATUAN
PUSPANITA KEBANGSAAN**

30 MAC 2020

**GARIS PANDUAN PEMBERIAN SUMBANGAN KEBAJIKAN
PUSPANITA: WE CARE FOR YOU**

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan syarat-syarat kelayakan bagi pemberian sumbangan kebajikan PUSPANITA: *We Care for You* yang boleh dijadikan panduan kepada setiap Cawangan bagi mengemukakan permohonan yang berkeelayakan kepada PUSPANITA Kebangsaan.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Penularan wabak Coronavirus (COVID-19) di negara kita dan seluruh dunia yang semakin meruncing telah memberikan impak yang tinggi kepada kehidupan dan kesejahteraan rakyat. Peningkatan individu yang disahkan positif COVID-19 juga telah menyebabkan Kerajaan mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap seluruh negara selama 14 hari bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020 dan telah dilanjutkan sehingga 14 April 2020.

2.2. Menyedari kesulitan yang timbul kepada para ahli dan anggota keluarga terdekat akibat daripada menjalani rawatan COVID-19 di hospital, dikenakan perintah kuarantin serta tempoh PKP, Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) mengambil inisiatif untuk menghulurkan sumbangan kebajikan PUSPANITA: *We Care for You* kepada para ahli yang berkeelayakan.

3. KRITERIA PENERIMA

Penerima mestilah terdiri daripada ahli PUSPANITA warganegara Malaysia, sama ada penjawat awam wanita atau suri kepada penjawat awam lelaki yang berdaftar di Cawangan.

4. KATEGORI SUMBANGAN

- 4.1. Ahli atau anggota keluarga terdekat (suami atau anak atau ibu bapa kepada ahli) yang disahkan positif dan menjalani rawatan di wad hospital yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk merawat COVID-19 (*warded*) (terhad kepada mana-mana satu individu);
- 4.2. Suami atau Ketua Isi Rumah (KIR) kepada ahli PUSPANITA yang berkerja tetapi telah kehilangan sumber pendapatan (sama ada diberhentikan kerja atau tidak dibayar gaji) sepanjang tempoh dikenakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Bagi Kontak COVID-19 di bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) atau menjalani rawatan akibat COVID-19 di wad hospital (*warded*) atau semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (**terhad kepada jumlah pendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi RM4,000**);
- 4.3. Ahli PUSPANITA yang menderita penyakit kritikal dan disahkan doktor (rujuk senarai 45 penyakit kritikal di bawah Skim Perlindungan Nasional B40 MySalam) yang sukar untuk mendapatkan ubat atau terputus bekalan ubat semasa tempoh PKP.
- 4.4. Ahli PUSPANITA yang merupakan ibu tunggal **DAN** mempunyai anak kurang upaya (OKU) atau mempunyai anak yang menderita penyakit kritikal dan disahkan doktor (rujuk senarai 45 penyakit kritikal di bawah Skim Perlindungan Nasional B40 MySalam) yang sukar untuk mendapatkan ubat atau terputus bekalan ubat semasa tempoh PKP.

5. PEMOHON YANG TIDAK LAYAK

- 5.1. Bukan warganegara Malaysia dan tidak berdaftar sebagai ahli PUSPANITA.
- 5.2. Tiada pekerjaan sebelum dikenakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian atau sebelum menjalani rawatan hospital (*warded*) akibat COVID-19 atau semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

6. KAEDAH PERMOHONAN

- 6.1. Permohonan lengkap mesti dikemukakan melalui Cawangan dengan mengisi Borang Permohonan Sumbangan Kebajikan PUSPANITA: *We Care for You* (Lampiran 1) dan Borang Akaun Kehilangan Pendapatan (Lampiran 2).
- 6.2. Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan melalui pos atau serahan tangan kepada:

**Setiausaha Agung
Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia
(PUSPANITA)
d/a PUSPANITAPURI
Lot PT 2280-2283, Persiaran Seri Perdana
Presint 10
65520 PUTRAJAYA**

- 6.3. PUSPANITA Kebangsaan berhak menolak permohonan yang tidak lengkap atau yang tidak disertakan dengan salinan dokumen yang diperlukan.

7. KAEDAH PEMBAYARAN

- 7.1. Sumbangan kebajikan akan disalurkan menerusi akaun Cawangan Kementerian/Negeri (bagi ahli dan suami kepada suri yang masih berkhidmat) dan menerusi akaun individu (bagi ahli yang telah bersara).
- 7.2. Sumbangan kebajikan dalam bentuk kewangan ini hanya akan diberi sekali sahaja (*one-off*) dalam tempoh penularan jangkitan COVID-19 dan tidak akan diberikan bagi kes berulang.

8. PENAFIAN

- 8.1. PUSPANITA Kebangsaan berhak untuk memutuskan jumlah sumbangan berdasarkan dokumentasi yang dikemukakan atau menolak permohonan yang tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan.

RUJUKAN: SENARAI 45 PENYAKIT KRITIKAL

1. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
2. Angioplasti dan rawatan invasive lain untuk penyakit arteri koronari
3. Meningitis Bakteria – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
4. Tumor Otak Benign – Keterangan Tertentu
5. Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih
6. Pembedahan Otak
7. Kanser – Keterangan Tertentu dan tidak Melindungi Kanser Tahap Awal
8. Kardiomiopati – Keterangan Tertentu
9. Anemia Aplastik Kronik – Mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang
10. Koma – Mengakibatkan Defisit Neurologi kekal dengan Simptom Klinikal yang berterusan
11. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
12. Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih
13. Ensefalitis – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
14. Kegagalan Hati Tahap Akhir
15. Penyakit Paru – paru Tahap Akhir
16. AIDS dengan Gejala Penuh
17. Hepatitis Viral Fulminan
18. Serangan Jantung – Keterangan Tertentu
19. Pembedahan Injap Jantung
20. Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah
21. Kegagalan Buah Pinggang – Memerlukan Dialisis atau Transplan Buah Pinggang
22. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
23. Hilang Keupayaan Bertutur
24. Trauma Kepala Major (Teruk) – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
25. Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
26. Penyakit Neuron Motor – Defisit neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan

27. Sklerosis Multiple
28. Distrofi Otot
29. Kelumupuhan Anggota
30. Penyakit Parkinson – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
31. Hipertensi Arteri Pulmonari - Keterangan Tertentu
32. Penyakit Arteri Koronari Serius
33. Strok/Angin Ahmar – Mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom – symptom Klinikal Berterusan
34. Pembedahan Aorta
35. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang teruk
36. Kelecuran Tahap Ketiga – Keterangan Tertentu
37. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan
38. Penyakit Terminal (Membawa Maut)
39. Penyakit Sistik Medular
40. Sindrom Apallic (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)
41. Poliomielititis
42. Skleroderma Progresif
43. Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik
44. Elefantiasis (Penyakit Untut)
45. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)



**PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA
PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA)**

Rumah PUSPANITA

JKR 5171, Jalan Hose, 50460 Kuala Lumpur
Tel : 03 - 2142 1332 Faks : 03 - 2144 2996

PUSPANITAPURI

Lot PT 2280-2283, Persiaran Seri Perdana,
Presint 10, 65520 Putrajaya
Tel : 03 - 8884 0300 Faks : 03 - 8888 6475

BORANG PERMOHONAN SUMBANGAN KEBAJIKAN PUSPANITA : WE CARE FOR YOU

Permohonan (tandakan ✓) : Diri sendiri Suami Anak Ibu/Bapa

A. MAKLUMAT PERIBADI

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jantina :

Status : (Bujang / Berkahwin / Ibu Tunggal)

Bilangan Tanggungan :

Pekerjaan :

Pekerjaan Suami :

Pendapatan Sebulan (RM) :

Alamat Tetap (Rumah) :

.....

.....

.....

Alamat Pejabat :

.....

.....

No. Telefon :(R)(H/P)(P)

No. Faks (jika ada) :(R)(P)

B. MAKLUMAT KEAHLIAN

No. Kad Ahli :

Cawangan PUSPANITA :

Tahun Menjadi Ahli :

Pernah memohon mana-mana sumbangan PUSPANITA (tandaan ✓) : Ya Tidak

Nama Ahli :

Tarikh Terima Sumbangan :

Jenis Sumbangan :

(contoh: Kembara Kebajikan Jalinan Kasih PUSPANITA, Tabung PUSPADARA PUSPANITA)

C. BUTIRAN PERINTAH PENGAWASAN/TEMPOH MENJALANI RAWATAN COVID-19

- i. Tempoh perintah pengawasan / rawatan : _____ hari
- ii. Tarikh mula pengawasan / rawatan : _____ (hh/bb/tttt)
- iii. Tarikh tamat pengawasan / rawatan : _____ (hh/bb/tttt)
- iv. Tempat pengawasan / rawatan : Hospital _____
Negeri _____
Daerah _____

D. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan tidak pernah menerima bantuan daripada PUSPANITA sebelum ini.

Tandatangan Ahli :

Tarikh :

E. PENGESAHAN (Pengerusi/Setiausaha Cawangan Kementerian/Negeri)

Tandatangan :

Nama :

Cop Jawatan :

Tarikh :

SENARAI SEMAK (SILA TANDAKAN '✓' DI KOTAK BERKENAAN)

1. Salinan Kad Pengenalan
2. Salinan muka hadapan buku bank (pesara)
3. Sijil Cuti Sakit menjalani rawatan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Hospital di bawah
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
4. Laporan Perubatan Terkini daripada Doktor bagi penyakit kritikal
5. Salinan kad temujanji Hospital (yang terputus bekalan ubat)
6. Salinan kad OKU (bagi anak Orang Kurang Upaya)
7. Dokumen-dokumen lain yang berkaitan(Surat beranak/ Sijil Nikah/dll)

**Peringatan : Salinan dokumen yang dilampirkan perlu disahkan
(Sekiranya salah satu dokumen tersebut tiada, maka permohonan tidak akan diproses)**

BORANG AKUAN KEHILANGAN PENDAPATAN

Saya, dengan No. Kad Pengenalan merupakan suami / Ketua Isi Rumah kepada Ahli bernama dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa saya telah kehilangan pendapatan **ATAU** tidak bergaji **ATAU** diberhentikan kerja (disertakan salinan surat pemberhentian kerja oleh majikan) sepanjang tempoh ditahan kerana :

- Perintah Kawalan Pergerakan (PKP); atau
- Menjalani rawatan (*warded*) di Hospital akibat penyakit COVID-19; atau
- Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Bagi Kontak COVID-19.

Saya faham bahawa:-

- a) Sekiranya maklumat yang diberikan adalah **TIDAK BENAR** atau menggunakan dokumen **PALSU**, maka permohonan ini adalah berhak **DITOLAK**.
- b) Sekiranya saya menipu atau menggunakan apa-apa dokumen dengan niat menipu, saya boleh didakwa di bawah Seksyen 463 Kanun Keseksaan [Akta 574].

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah **BENAR**.

Tandatangan :

Tarikh :